



KES KAJIAN

PERKHIDMATAN KEMUDAHAN  
BANGUNAN DI BANGUNAN GRAHA  
MAKMUR, MELAKA.

# **ISI KANDUNGAN**

PRAKATA

PENGHARGAAN

OBJEKTIF LAPORAN

KEPENTINGAN LATIHAN AMALI

---

MUKA SURAT

Bab 1	STRUKTUR ORGANISASI MAJLIS PERBANDARAN MELAKA BANDARYA BERSEJARAH.	
1.1.0	Sejarah Penubuhan Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah.	1
1.2.0	Logo Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah	4
1.2.1	Huraian logo MPMBB	5
1.3.0	Peranan Dan Fungsi MPMBB	7
1.4.0	Objektif Operasi	8
1.5.0	Matlamat MPMBB	9
1.6.0	Wawasan MPMBB	9
1.7.0	Motto MPMBB	9
1.8.0	Dasar Q MPMBB	10
1.9.0	Nilai-nilai Kerja MPMBB	10
1.10.0	Kawasan Pentadbiran	12

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan rahmat-Nya memberi peluang kepada saya untuk menyempurnakan Latihan Amali serta menyediakan Laporan Latihan Amali ini sebagaimana yang telah dikehendaki oleh pihak Jabatan Ukur Bangunan, Institut Teknologi Mara, Shah Alam. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam menjayakan program latihan ini.

Teristimewa ucapan terima kasih kepada ayahanda dan bonda serta nenda tersayang yang telah banyak bersabar dan membantu meringankan masalah serta memberi semangat untuk saya melakukan yang terbaik di sepanjang saya menjalani latihan dan menyiapkan laporan. Jasa kalian amat bernilai bagi diri ini. Tanpa kalian tak mungkin saya berada di sini.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah kerana telah memberi peluang kepada saya untuk menjalani latihan di Jabatan Kejuruteraan selama 5 bulan. Kepada En. Rafiee Hj Mamat (Pengarah Kejuruteraan), En. Ab. Razak Ali (Penolong Kanan Jurutera) merangkap penyelia saya, Pn. Norizah Abdullah (Juruteknik Ukur Bahan) yang telah banyak membantu saya, Pn. Asmah Yaakup dan seluruh warga Jabatan Kejuruteraan khususnya, kepercayaan dan tunjuk ajar yang diberi

### **1.1.0 SEJARAH PENUBUHAN MAJLIS PERBANDARAN MELAKA BANDARAYA BERSEJARAH**

Sejarah Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah (MPMBB) lahir bersama-sama sejarah Negeri Melaka. Dari sebuah perkampungan Melayu sehinggalah menjadi bandaraya yang terkenal di seluruh dunia. Pada abad ke-16, ianya mempunyai penduduk seramai 200 000 orang yang terdiri daripada 85 suku kaum dan 59 jenis bahasa yang dipertuturkan. Konsep bandaraya bukannya baru bagi Melaka, malah sumber Portugis ada menyatakan:-

*“In 18 Mac 1552, Melaka was raised to a city status by a Royal Grant”.*

Walaupun Melaka telah melalui liku-liku sejarah kegemilangan dan kemerosotan, pentadbiran Perbandaran Melaka terus kekal sehinggalah 1824, dimana Perbandaran Melaka dinamakan sebagai *“The Town And The Fort Of Malacca”* yang ditadbir oleh sebuah *Committee Of Assessors* yang ditubuhkan oleh kerajaan Inggeris.

Akta India Timur XIX 1848, telah menekankan supaya diwujudkan *Jawatankuasa Municipal* bagi menggantikan *The Committee Of Assessors*. Akta ini memperuntukkan lima orang Ahli Majlis yang diketuai oleh seorang *Resident Councillor* dan dikenali sebagai Pesuruhjaya Perbandaran. Akta India